

PERANAN MASJID MENDEPANI PANDEMIK COVID-19: KAJIAN DI MASJID TEMIN, JERANTUT PAHANG

Muhammad Abid Akmal Bin Ishamuddin¹ & Norsaleha Mohd. Salleh^{2*}

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Institut Kajian Hadis dan Akidah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author : Norsaleha Mohd. Salleh, Institut Kajian Hadis dan Akidah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Email: norsaleha@kuis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan menerangkan peranan masjid sebagai institusi dakwah sewaktu serangan pandemik Covid-19. Masjid berperanan dalam perkembangan dakwah kepada masyarakat supaya sentiasa mendekati diri dengan ilmu agama walaupun dalam fasa pandemik. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan aktiviti temubual dan pemerhatian. Seramai tiga orang informan telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang peranan masjid mendepani pandemik Covid-19. Hasil kajian ini menunjukkan masjid berperanan membantu mengembangkan dakwah kepada masyarakat melalui metod yang sesuai dengan keadaan yang kritikal ketika Pandemi Covid-19. Implikasi kajian ini memberi kesedaran kepada umat Islam untuk mempertahankan fungsi dan peranan masjid sebagai institusi yang menjadi syiar Islam dan pusat penyebaran dakwah Islam.

Kata kunci : Masjid, Pandemi, Covid-19, Dakwah, Agama

(THE ROLE OF MASJID IN FACING COVID-19 PANDEMIC: THE CASE OF MASJID TEMIN, JERANTUT, PAHANG)

Abstract

This study aims to describe the role of the masjid as a da'wah institution during the covid-19 pandemic. A masjid plays a significant role in ensuring Muslims appreciate religious knowledge even during the pandemic. This study implements a qualitative research method that involves interviews and observations. The findings of the study show that masjid plays a significant role in spreading da'wah to society through the appropriate methods in accordance with the current covid-19 situation. The implication of this study raises awareness among Muslims to preserve the role of the masjid as the symbol of Islamic religion and as the centre of Islamic da'wah.

Keywords: Masjid, Pandemic, Covid-19, Da'wah, Religion.

Received: May 15, 2021

Accepted: June 24, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Masjid amat sinonim dengan kehidupan umat Islam sebagai pusat kegiatan dan pentadbiran hidup. Masjid juga merupakan lambang perpaduan dan keutuhan Islam dalam menyatukan padukan umatnya. Selaras dengan fungsinya yang pelbagai, masjid muncul sebagai pusat tumpuan dalam menguruskan kehidupan masyarakat Islam setempat. Namun begitu, terdapat juga pengurusan masjid yang hanya menjurus kepada aktiviti berbentuk keagamaan sahaja. Kewujudan dan peranan masjid perlu dilihat dari sudut yang luas. Memandangkan situasi pandemik Covid-19 masih berterusan pihak masjid perlu mengambil langkah proaktif bagi mendepani cabaran pandemik Covid-19 dengan menyediakan norma baru pengurusan masjid.

Usaha memperkasakan fungsi masjid perlu dilakukan dan tranfomasi ini haruslah sesuai dengan pelbagai situasi. Pengurusan masjid amat penting dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana ia merupakan nadi penggerak pembangunan modal insan yang cemerlang. Pihak masjid perlu meneruskan aktiviti dakwah untuk mempertingkatkan keimanan masyarakat sekeliling. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan sesebuah masjid antaranya ialah kerjasama dan komitmen dari semua pihak khususnya pihak pentadbiran mahupun masyarakat setempat. Masjid juga berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu. Pihak pengurusan masjid sentiasa meningkatkan sistem pengurusan dakwah dan meningkatkan sistem untuk mendepani pandemik Covid-19 (Hassan, Nor Amirah Fatin Binti Zulkifli, 2019).

2. Konsep Masjid Dalam Islam

Perkataan masjid berasal daripada bahasa Arab yang diambil dari perkataan “*sajada, yasjudu, sajdan*”. Perkataan sajada ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta

tunduk dengan penuh hormat. Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “*masjidun*” yang membawa maksud tempat sujud menyembah Allah SWT (Rayya, 2018). Oleh itu, istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT.

Masjid menurut kamus *al-Marbawi* ialah asal daripada perkataan “*sajada*” bermaksud merendahkan atau menyembah tuhan. Juga diambil kira dengan perkataan lain iaitu *sajada*, *yasjudu*, *sujudan* yang memberi maksud yang sujud menyembah Tuhan. Dalam kata *jama' masjid* adalah tempat sujud dan juga bermakna dahi seseorang yang kena di tempat sujud. Itu adalah pengertian yang diberikan oleh Muhammad Idris Abd al-Rauf *al-Marbawi* (1350H). Kemudian pengertian masjid itu bertukar maknanya kepada makna ‘*maknawi*’ yang membawa maksud ‘*khudu*’ yang bermakna tunduk dan merendah diri. Ibn Manzur memberi makna masjid sebagai sujud padanya atau didalamnya (Rahman, 2019). Dalam al-Quran pula perkataan masjid telah disebut sebanyak 26 kali. Jumlah ini menunjukkan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam menjana pembangunan masyarakat (Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man, 2016).

Masjid merupakan sebuah institusi penting dalam sesebuah masyarakat khususnya dan negara amnya. Kepentingan institusi ini diperkukuhkan dengan menyorot kepada tindakan Rasulullah SAW yang telah membina masjid apabila membina masjid Quba’ dalam perjalanan hijrah ke Madinah. Baginda juga membina masjid di Madinah dalam mengasas sebuah negara Islam Madinah. Masjid dibina sebagai tempat melaksanakan ibadah, menyalurkan ilmu, mengadakan perbincangan hal ehwal pentadbiran, persaudaraan dan tempat untuk merealisasikan agenda perpaduan umat pada ketika itu (Mariam Abd. Majid, 2016). Berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Az Zariyat 51: 56

Pada zaman nabi Muhammad SAW masjid telah dijadikan sebagai tempat bagi pelbagai kegiatan sosial kemasyarakatan selain untuk ibadah solat. Di sini jelas menunjukkan masjid pada asalnya adalah tempat sujud, kemudian masjid di sebut tempat sembahyang iaitu dengan meletakkan dahi untuk sujud menyembah Allah (Shukri & Jamal Adli, 2017) . Masjid merupakan sebuah tempat ibadah bagi umat Islam seluruh pelosok dunia. Namun ibadah yang dimaksudkan bukanlah solat semata-mata malahan lebih luas dari itu. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

Maksudnya:

“(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. Ibadah dikerjakan oleh orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan

menirikan solat serta mengeluarkan zakat, mereka takut hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan” (Surah al-Nur, 36-37)

Kedudukan masjid banyak dibicarakan dalam hadis Rasulullah SAW. Antara yang menjelaskan adalah tentang masjid sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud) (HR *al-Bukhari*: 438). Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud; Seluruh alam ini adalah masjid kecuali kubur dan bilik mandi (HR Muslim). Hadis ini menunjukkan setiap tempat di muka bumi ini boleh dijadikan sebagai tempat sujud (masjid). Keistimewaan ini hanyalah dikhususkan kepada umat Nabi Muhammad SAW sahaja kerana para *anbiya'* sebelum Baginda hanya boleh mengerjakan sembahyang di tempat yang dikhususkan sahaja .

Rasulullah juga banyak memberi galakan dan keutamaan kepada umatnya supaya mendirikan masjid. Sabda Rasulullah SAW:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من بنى لله مسجدا بنى الله له بيتا في الجنة (متفق عليه)

Maksudnya: Sabda Rasulullah SAW. Sesiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah, nescaya Allah akan membina baginya sebuah mahligai di syurga (Muttafaqun `alaih).

Berdasarkan hadis-hadis di atas, menunjukkan bahawa masjid adalah rumah Allah. Orang yang mengunjung ke masjid dianggap sebagai tetamu Allah. Manusia diberi kedudukan yang mulia di sisi Allah, menjadi tetamu Allah melaksanakan fungsinya sebagai hamba yang mengabdikan diri kepadaNya. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang perlu dilakukan di dalam masjid ialah menggandakan amal ibadat dan melakukan amal soleh bagi mendapat ganjaran dariNya.

Dapat difahami juga bahawa peranan masjid bukan sekadar sebagai tempat ibadah solat semata-mata bahkan mempunyai pelbagai fungsi dan peranan dalam pembangunan insan dan masyarakat dari segi rohani mahupun jasmani. Masjid merupakan tempat suci untuk memupuk keimanan dan mendorong seseorang untuk memperolehi cahaya petunjuk. Masjid adalah tempat untuk menyuburkan jiwa insan agar sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan samaada ibadat umum mahupun khusus (Nor Azlina Abd Wahab, 2016)

3. Pandemik Covid-19 Dan Norma Baru

Pandemik Covid-19 merupakan keluarga virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selsema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV. World Health Organization United Nation (WHO) mengeluarkan kenyataan bahawa pandemik Covid-19 juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 ialah wabak penyakit koronavirus 2019 berpunca daripada sindrom sesak pernafasan yang teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini telah kesian pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China. Pandemik ini telah mula diiktiraf oleh WHO sebagai pandemik Covid-19 pada 11 Mac 2020 (Mohd Azizan Mohd Daud, 2020).

Corona Virus Disease 19 yang disingkat dengan Covid-19 adalah keluarga besar virus yang menyebabkan penyakit pada manusia dan haiwan. Ada beberapa gejala lain yang juga boleh muncul pada infeksi virus Covid-19, akan tetapi jarang terjadi, iaitu: cirit-birit, sakit kepala, hilangnya kemampuan rasa atau mencium bau, ruam di kulit. Gejala-gejala Covid-19 ini umumnya muncul dalam waktu 2 hari sampai 2 minggu setelah penderita terpapar virus Corona. Gejala awal dari penyakit yang disebabkan Covid-19 adalah demam (suhu tubuh di atas 38 darjah celsius, batuk kering, gangguan pernafasan, sakit tekak, letih, dan lesu (Nasution, 2020).

Pada 11 Mac 2020, *World Health Organization* (WHO) mengumumkan Covid-19 sebagai virus wabak yang berjangkit di seluruh dunia. Menurut WHO, kes Covid-19 ini adalah yang pertama kalinya diumumkan sebagai pandemik serta belum ada yang dapat mengatasinya virus ini. Dari Januari hingga Mac 2020, penelitian tentang Covid-19 sudah mencapai 900 artikel dan terus berkembang. Hal ini membuktikan pandemik Covid-19 ini sangat berbahaya dan para ilmuwan masih mengkaji tentang isu ini.

WHO dan para ahli sains menyarankan langkah dasar berjaga-jaga dari virus Covid-19: Pertama, *social distancing/physical distancing* (jarak satu meter dengan orang lain). Kedua, sentiasa cuci tangan, kerana virus dapat hinggap pada apapun permukaan yang kita sentuh. Ketiga, menghindari menyentuh mata, hidung, dan mulut. Semua itu adalah tempat yang mudah dijangkiti virus ke dalam bahagian lemah, khususnya paru-paru yang mengakibatkan sesak nafas. Keempat, menutup hidung dan mulut dengan topeng pelitup muka yang sesuai. Memakai topeng ini tidak hanya melindungi diri daripada penularan virus tetapi juga melindungi diri daripada orang yang berada di sekeliling. Kemungkinan seseorang akan terkena virus tanpa mengetahuinya. Orang yang dilihat sihat boleh sahaja menularkannya kerana telah membawa virus tersebut secara tanpa disedari (Maliki, 2020).

Penyakit ini tersebar antara individu dengan individu lain melalui titisan kecil dari hidung atau mulut yang keluar ketika individu bersama dengan pesakit Covid-19 melalui batuk, bersin atau ketika berbicara. Individu mudah dijangkiti Covid-19 jika mereka menghirup titisan-titisan ini dari seseorang yang dijangkiti virus. Inilah sebabnya mengapa penting untuk menjaga jarak sekurang-kurangnya satu meter dari orang lain. Titisan ini boleh merebak pada permukaan di sekeliling seperti meja, tombol pintu, dan bersentuhan tangan. Orang yang dijangkiti dengan menyentuh benda atau permukaan ini, kemudian menyentuh mata, hidung, atau mulut mereka. Oleh sebab itu, jarak dan topeng muka sangat penting dan mencuci tangan secara teratur dengan sabun dan air (Hayyah, 2020).

Kelima, jika demam, badan sakit-sakit dan sesak nafas, segeralah berjumpa dengan doktor pakar sesuai dengan prosedur yang sudah ditetapkan oleh pihak kesihatan. Keenam, sentiasa mengikut perkembangan semasa mengikut tempat kita berada, sama ada dalam negara atau luar negara. Ketujuh, bagi yang ingin merentas negeri atau berpindah ke suatu tempat, khususnya rentas negara atau rentas daerah, maka harus kurantinkan diri (*self-isolation/ quarantine*) selama minimum empat belas hari. Empat belas hari adalah durasi bagi mengenalpasti virus di dalam tubuh seseorang. Terakhir, terus menjaga kesihatan tubuh badan agar tidak mudah diserang penyakit (Maliki, 2020).

4. Peranan Masjid Temin Mendepani Pandemik Covid-19

Seramai 3 orang informan dalam kalangan pegawai Masjid Temin telah ditemubual bagi mendapatkan informasi. Menurut Haji Aminuddin (2021) pada fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara terutamanya di Malaysia, pihak Majlis Agama Negeri telah memberi arahan penutupan sepenuhnya kepada semua masjid dan surau kecuali pegawai masjid sahaja dibenarkan bertugas di masjid, manakala jemaah tidak dibenarkan untuk datang ke masjid. Haji Aminuddin berkata:

“pada mula-mula Covid-19 pkp yang pertama telah dilaksanakan di seluruh negara. Jadi kita ikut arahan dari pihak Majlis Agama yang dimaklumkan pihak Pejabat Agama Islam semua masjid dan surau ditutup sepenuhnya pada bulan Mac kecuali pegawai masjid yang bertugas secara bergilir. Masa itu hanya tiga orang sahaja setiap waktu bertugas untuk menghidupkan Jemaah di masjid iaitu seorang Imam, seorang Bilal, seorang Siak bergilir setiap minggu”.

Sebagai maklumbalas kepada arahan Majlis Agama Islam Negeri, Masjid Temin Jerantut Pahang telah membuat jadual tugas secara bergilir supaya setiap aktiviti berjalan secara teratur. Pada Ogos 2020 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan PKPP Pelaksanaan solat Jumaat dibenarkan di Jerantut Pahang dengan bilangan Jemaah jumlah 40 orang sahaja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penentuan kehadiran jemaah adalah melalui pemilihan oleh pihak masjid dan wajib mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sedia ada termasuk mengimbas suhu badan, merekod kehadiran melalui aplikasi MySejahtera dan mengamalkan penjarakkan fizikal.

Menurut Haji Aminuddin (2021) selaku Pengerusi Masjid Temin, strategi dakwah yang dilakukan untuk menarik minat penduduk Temin hadir ke masjid untuk mengimarahkan masjid adalah dengan menggunakan pendekatan solat Jumaat. Setiap kali Solat Jumaat diadakan, pihak Masjid Temin akan memberi info kepada jemaah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilakukan oleh pihak masjid bagi memastikan masyarakat setempat sentiasa mengikuti aktiviti dakwah yang diadakan. Pihak masjid juga telah menghadkan kuliah-kuliah harian dan juga pengkuliah yang datang hanya dari sekitar Jerantut. Ini bagi mengelak berlaku jangkitan dan tindakan tidak mengambil risiko yang tinggi apabila melibatkan jemputan daripada pihak luar.

Pada fasa pertama, Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada Mac 2020 pihak kerajaan melarang melakukan pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Masjid Temin telah melaksanakan beberapa kaedah penerapan dakwah iaitu melalui penggunaan media sosial seperti aplikasi *whatsapp*. Dengan kaedah ini pihak masjid mudah untuk berkongsi info berkaitan dakwah yang dilakukan tanpa perlu hadir ke masjid. Selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan sebahagian besar aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan dan perniagaan dibenarkan untuk dibuka kembali secara berperingkat dengan mematuhi SOP. Pihak Masjid Temin mematuhi arahan dengan melaksanakan aktiviti dakwah di masjid secara berperingkat (Kamarul Azmi, 2021).

Masjid Temin telah mengadakan beberapa aktiviti dakwah bagi mengimarahkan masjid untuk menarik minat masyarakat untuk hadir ke masjid semasa pandemik Covid-19. Antara aktiviti dakwah yang dilakukan oleh pihak masjid adalah kuliah harian, bacaan kitab-kitab, kelas tahsin al-Quran, bacaan Yassin pada malam Jumaat. Aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Masjid Temin adalah aktiviti yang dilakukan di dalam masjid dengan berskala kecil sahaja. Pihak masjid juga tidak mengadakan aktiviti luar seperti melibatkan aktiviti bersentuhan, berkumpul berskala besar seperti riadah petang, gotong-royong, aktiviti kekeluargaan dan sebagainya.

Pihak masjid mengadakan aktiviti kuliah maghrib setiap hari di antara solat maghrib dan isyak. Kebiasaannya pihak masjid menjemput penceramah dari Jerantut iaitu dalam daerah sahaja dan tidak menjemput penceramah luar dari daerah Jerantut. Hal ini adalah untuk mengelak risiko penyebaran virus Covid-19 dari luar. Masjid Temin juga mengadakan aktiviti kelas mengaji mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan masyarakat sentiasa mendekatkan diri untuk terus melakukan ibadah semasa pandemik Covid-19 (Syed Muhamad Hadzari, 2021).

Kelas mengaji telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu lelaki dan perempuan mengikut hari yang telah dijadualkan. Kelas bagi kaum lelaki diadakan pada hari Ahad selepas solat Maghrib dan kaum wanita diadakan pada hari Rabu pagi (Syed Muhamad Hadzari, 2021). Pesanan daripada pihak pengurusan Masjid Temin terhadap masyarakat khususnya kepada penduduk Kampung Temin ini agar datang ke masjid. Sekarang Masjid Temin telah pun dibuka terutamanya kepada anak-anak muda mengimarahkan rumah-rumah Allah dengan solat lima waktu dan majlis-majlis ilmu. Selain itu, para penduduk perlu menjaga penjarakkan sosial jangan duduk rapat-rapat, sentiasa cuci tangan dan sebagainya. Yang penting kita mesti patuh arahan dari pihak atasan supaya terjamin kesihatan tubuh badan dan mencegah dari sebarang penyakit. Kita juga jangan lupa sentiasa kembali kepada Allah SWT supaya Allah mengangkat penyakit Covid-19 ini dari bumi Malaysia supaya kita hidup seperti biasa aman bebas dari sebarang penyakit (Mohd Abid, 2021).

5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap dakwah di Masjid Temin, Jerantut, Pahang menunjukkan masjid telah memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah semasa pandemik Covid-19. Dari segi pembangunan dakwah masjid ini telah berusaha sedaya upaya dalam memberi sumbangan untuk memantapkan lagi keimanan masyarakat dan sumbangan dalam penyatuan ummah. Usaha menyelenggara aktiviti masjid telah dibuat dengan bersungguh-sungguh oleh pihak pengurusan masjid dalam penerusan dakwah terhadap masyarakat setempat dengan mengatur langkah-langkah yang sesuai mengikut situasi terkini.

Masjid adalah sebuah tempat yang mana bukan sahaja dikenali sebagai pusat ibadah bahkan peranannya lebih besar lagi iaitu sebagai pusat pembangunan, penyelesaian hal-hal keduniaan dan akhirat serta tempat penyatuan bagi umat Islam sejagat. Di samping itu, sistem pengurusan dan pentadbiran amatlah penting dalam memainkan peranan dalam melakukan segala aktiviti di bawah institusi masjid ini. Pengurusan yang efektif dan terbaik dapat menjamin kelancaran aktiviti dan keberkesanan dakwah yang dibawa oleh masjid terhadap masyarakat. Dari segi

pengurusan masjid pula setiap urusan dan penggubalan sesuatu hendaklah dilakukan dengan penuh teliti dan telus serta tiada unsur-unsur yang meragukan. Begitu juga dari segi pengurusan dana.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Tafsir Pimpinan Rahman

Haji Aminuddin Haji Awang. (2021). Pengerusi Masjid Temin. *Informan 1 kajian dalam sesi temubual bersama pengkaji. Masjid Temin, Jerantut, Pahang.* 25 Mac 2021. Jam 9 malam.

Hayyah, N. (2020). *Corona Virus (Covid-19)*. Medan: Sma Negeri 3 Kota Medan.

Mohd Abid Ishamuddin. (2021). Peranan Masjid Temin Jerantut Pahang Dalam Penerusan Dakwah Dan Usaha Memerangi Wabak Covid-19. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda.* Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kamarul Azmi Mohamad. (2021). Imam 2 Masjid Temin. *Informan 2 kajian dalam sesi temubual bersama pengkaji. Masjid Temin, Jerantut, Pahang.* 27 Mac 2021. Jam 2 petang.

Maliki, M. (2020). Covid-19, Agama, Dan Sains. *Maarif Institute For Culture and Humanity*, 63.

Mariam Abd. Majid, M. P. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Jurnal Hadari.* Vol.8. No 1. hal: 32.

Mohd Azizan Mohd Daud, R. Z. (2020). *Impak Covid-19 Terhadap Pertumbuhan Penduduk Di Malaysia.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasution, N. H. (2020). Manajemen Masjid pada masa pandemi Covid-19. *Jurnal Majemen Dakwah.* UIN Raden Fatah. Indonesia. Page: 2-20.

Nor Amirah Fatin Binti Zulkifli Hassan. (2019). Pengurusan Dakwah Di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri) Ipoh Perak. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda.* Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Nor Azlina Abd Wahab, N. A. (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal.* Vol. 5. Issue 2: 220 - 229.

Rahman, Z. H. (2019). Pengurusan Dakwah Di Masjid Al-Ghufran Pinggir Taman Tun Dr. Ismail Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda.* Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Shukri, Jamal Adli Bin Ahmad. (2017). Peranan Masjid Bandar Seri Putra Terhadap Perkembangan Dakwah Di Kalangan Masyarakat Bandar Seri Putra Bangi, Selangor. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda.* Kajang:Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Syed Muhamad Hadzari Syed Hashim. (2021). Imam 1 Masjid Temin. *Informan 3 kajian dalam sesi temubual bersama pengkaji. Masjid Temin, Jerantut, Pahang.* Jam 30 Mac 2021. Jam 3 petang.

Rayya Mohammad. (2018). Strategi Pengurusan Masjid Al- Sultan Ismail Petra Terhadap Dakwah, Satu Kajian Di Kubang Kerian Kelantan. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda*. Kajang:Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.